

NO. SOALAN: 147

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH**

RUJUKAN : 9729

SOALAN:

**Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan jumlah penagih dadah baru dan
berulang mengikut taraf pendidikan dari 2010 sehingga terkini.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah penagih dadah baru dan penagih dadah berulang mengikut taraf pendidikan dari tahun 2010 hingga 2016 adalah seperti jadual di bawah:

**STATISTIK PENAGIH BARU DAN BERULANG BERDASARKAN TARAF PENDIDIKAN
DARI TAHUN 2010 HINGGA 2016**

Tahun		2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Status Kes								
Tidak Bersekolah	Baru	1,003	1,309	809	1,229	1,282	2,235	2,713
	Berulang	497	371	283	741	627	446	638
	Jumlah	1,500	1,680	1,092	1,970	1,909	2,681	3,351
Sekolah rendah	Baru	2,210	1,727	1,302	1,592	1,546	1,993	1,930
	Berulang	1,178	1,174	1,005	1,062	1,148	869	968
	Jumlah	3,388	2,901	2,307	2,654	2,694	2,862	2,898
LCE/SRP /PMR	Baru	6,451	4,856	3,758	5,209	5,061	7,530	8,346
	Berulang	2,585	2,414	1,993	3,321	3,601	2,796	3,382
	Jumlah	9,036	7,270	5,751	8,530	8,662	10,326	11,728
MCE/SPM /SPMV	Baru	6,627	5,028	3,846	4,802	4,963	7,400	8,638
	Berulang	1,943	1,719	1,376	2,066	2,539	2,045	2,680

	Jumlah	8,570	6,747	5,222	6,868	7,502	9,445	11,318
HSC/STP /STPM	Baru	275	188	108	89	109	120	169
	Berulang	63	61	54	58	79	51	49
	Jumlah	338	249	162	147	188	171	218
Diploma	Baru	253	228	174	202	219	393	442
	Berulang	59	39	33	59	71	60	64
	Jumlah	312	267	207	261	290	453	506
Ijazah/Master /PHD	Baru	40	40	33	44	31	68	83
	Berulang	12	6	8	13	13	9	13
	Jumlah	52	46	41	57	44	77	96
Lain-lain	Baru	379	307	271	314	394	550	603
	Berulang	67	64	48	86	94	103	128
	Jumlah	446	371	319	400	488	653	731
JUMLAH		23,642	19,531	15,101	20,887	21,777	26,668	30,846

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : **TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY**
DARIPADA **BIN JUSOH [SETIU]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kerajaan dalam mengawal harga buku sekolah seluruh Malaysia yang berada koperasi sekolah agar tidak membebankan ibu bapa dan pelajar.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Gerakan koperasi sekolah diiktiraf sebagai salah satu aktiviti kokurikulum yang terpenting di sekolah-sekolah selaras dengan pernyataan di dalam Akta Pelajaran 1961, Akta Pendidikan 1996 dan Warta Kerajaan bertarikh 21 Mei 1998. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) lebih berperanan sebagai pemantau dan penyelarass kegiatan koperasi sekolah termasuk harga jualan peralatan sekolah yang tidak membebankan murid dan ibu bapa. KPM akan memastikan pentadbir sekolah mematuhi dasar dan peraturan yang ditetapkan berhubung perjalanan koperasi sekolah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
[SUNGAI BESAR]**

SOALAN :-

YB Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sejauh manakah tindakan telah diambil pihak Kementerian bagi memenuhi keputusan jemaah menteri pada tahun lalu bagi menambah baik polisi pembiayaan pembelian rumah serta apakah cadangan-cadangan penambahbaikan yang sedang dirangka Kementerian.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Polisi Pembiayaan Perumahan bukannya di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tetapi diselaraskan oleh Kementerian Kewangan (Bank Negara Malaysia) yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas Polisi dan Dasar Pembiayaan Perumahan secara keseluruhannya.

Bagi penambahbaikan polisi pembelian rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR), Kerajaan melalui KPKT telah bersetuju memperkenalkan Skim Pembiayaan melalui Kaedah Sewa Untuk Milik (*Rent To Own*) yang bertujuan membantu pemohon yang berkelayakan untuk mendapat pembiayaan bagi pemilikan rumah PPR.

Skim Pembiayaan melalui Kaedah Sewa Untuk Milik hanya ditawarkan kepada pemohon atau bakal pembeli yang gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan. Buat masa ini,

Kaedah Sewa Untuk Milik dilaksanakan sebagai projek perintis bagi pembelian 4 PPR iaitu:-

- i. PPR Gua Musang (1,000 unit);
- ii. PPR Kampung Hassan (300 unit);
- iii. PPR Lembah Subang 2 (1,580 unit); dan
- iv. PPR Ladang Siliau (150 unit).

Namun begitu, pihak Kerajaan bersedia mempertimbangkan pelaksanaan Kaedah Sewa Untuk Milik ini bagi PPR Dimiliki (PPRM) yang lain di seluruh negara. Melalui Skim Pembiayaan ini, peserta yang layak akan ditawarkan Tempoh Percubaan selama dua (2) tahun pertama sebagai syarat kelayakan utama. Sekiranya peserta berjaya melepasi Tempoh Percubaan tersebut, maka Kerajaan akan menawarkan Kaedah Sewa Untuk Milik kepada peserta untuk tempoh bayaran selama 20 atau 25 tahun termasuk caj perkhidmatan sebanyak 1% setahun.

Selain itu, peserta perlu menunjukkan rekod pembayaran yang baik dan teratur tanpa tunggakan sewaan melebihi tempoh tiga (3) bulan berturut-turut atau pada satu-satu masa, tidak menyewakan rumah kepada pihak

ketiga serta tidak menyalahgunakan premis selain daripada tujuan kediaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*) telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2014 di Dewan Rakyat pada 25 Oktober 2013 merupakan salah satu langkah Kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta membina lebih banyak rumah mampu milik. Skim *MyHome* menawarkan insentif sehingga **RM30,000.00 seunit** yang memberi faedah kepada pembeli-pembeli rumah dan pemaju-pemaju swasta. Rumah-rumah yang dibina di bawah Skim *MyHome* dilengkapi dengan 3 bilik tidur dan 2 bilik air. Antara ciri-ciri rumah mampu milik di bawah Skim *MyHome* adalah seperti berikut:-

MyHome 1

	Harga Pasaran/ Jualan (RM)	Harga Sebenar Pembeli (RM)	Keluasan Minimum (kps)	Pendapatan Bulanan Isi Rumah (RM)
MyHome1	80,000 - 120,000	50,000 - 90,000	800	3,000 - 4,000
MyHome1 Kuala Lumpur	80,000 - 150,000	50,000 - 120,000	800	3,000 - 4,000
MyHome1 Sabah & Sarawak	90,000 - 120,000	60,000 - 90,000	800	3,000 - 4,000

MyHome 2

	Harga Pasaran/ Jualan (RM)	Harga Sebenar Pembeli (RM)	Keluasan Minimum (kps)	Pendapatan Bulanan Isi Rumah (RM)
MyHome2	120,001 - 200,000	90,001 - 170,000	850	4,001 - 6,000
MyHome2 Kuala Lumpur	150,001 - 300,000	120,001 - 270,000	850	4,001 - 6,000
MyHome2 Sabah & Sarawak	120,001 - 200,000	90,001 - 220,000	850	4,001 - 6,000

Bagi Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (*MyDeposit*) ianya adalah satu produk khusus yang diperkenalkan oleh Kerajaan melalui kementerian bagi membantu golongan pertengahan termasuk golongan M40 untuk memiliki rumah idaman dengan memberi bantuan deposit sebanyak 10% atau maksima RM30,000.00 seunit. Antara syarat dan kelayakan permohonan MyDeposit adalah:-

- Pemohon mestilah warganegara Malaysia;
- Berumur 21 tahun ke atas (tiada had umur maksima);

- Pembelian rumah pertama bagi satu isi rumah. Isi rumah bermaksud suami/isteri dan bujang sahaja;
- Pendapatan isi rumah antara RM3,000.00 hingga RM10,000.00 sebulan;
- Projek perumahan baharu yang berlesen atau perumahan pasaran sekunder (*subsale*);
- Harga pembelian adalah RM500,000.00 dan ke bawah; dan
- Kelulusan pembelian bagi projek-projek perumahan swasta yang tidak mendapat subsidi/insentif/dana Kerajaan.

Bagi Skim Pinjaman Perumahan (SPP) kementerian mensasarkan kepada warganegara yang berpendapatan rendah dengan pendapatan isi rumah antara RM750.00 hingga RM2,500.00 sebulan dan berumur 21 hingga 60 tahun. Kerajaan telah menyediakan bantuan pembiayaan bagi membina rumah di bawah SPP dengan pinjaman maksima RM45,000.00. Skim ini hanya menfokuskan kepada golongan bekerja sendiri dan pekerja swasta yang belum memiliki rumah tidak termasuk kakitangan kerajaan dan pesara kerajaan.

Kerajaan juga turut menetapkan beberapa syarat lain bagi skim SPP ini antaranya :-

- i. Pemohon perlu memiliki tanah sendiri atau tanah milik keluarga terdekat yang akan dijadikan sebagai cagaran oleh kerajaan sekiranya pemohon gagal membayar ansuran bulanan yang ditetapkan;
- ii. Caj perkhidmatan yang dikenakan atas pinjaman tersebut juga amat rendah iaitu 2 % sahaja; dan
- iii. Selain itu pemohon yang berjaya perlu mengambil perlindungan insuran ke atas rumah yang dibina bagi tujuan keselamatan mereka.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2017

SOALAN (150)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
[SUNGAI BESAR]**

SOALAN :-

YB Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah usaha yang dilakukan pihak Kementerian bagi mengatasi masalah penyalahgunaan rumah Projek Perumahan Rakyat seperti menyewa atau melepaskan pemilikan rumah itu kepada orang lain terutamanya kepada warga asing.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 13 Januari 2016, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah merangka program penguatkuasaan yang dikenali sebagai “Ops Sejahtera Komuniti” yang dilaksanakan secara bersepadu dengan kerjasama daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta agensi-agensi yang berkaitan ke arah membentuk kesejahteraan komuniti di semua PPR yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan.

Fokus utama pelaksanaan “Ops Sejahtera Komuniti” adalah seperti berikut:

- i. Penyewaan kepada pihak ketiga termasuk warga asing;
- ii. Tunggakan sewa bulanan; dan
- iii. Penyalahgunaan premis.

Program ini juga bertujuan untuk mendapatkan input terperinci mengenai tahap sosioekonomi serta keadaan persekitaran perumahan termasuk aspek keselamatan, kebersihan dan keselesaan penghuni

Bagi tahun 2016, sebanyak 4 siri program penguatkuasaan “Ops Sejahtera Komuniti” telah dilaksanakan seperti berikut:

- i. PPR Jalan Segindai, Papar, Sabah (5 Mac 2016);
- ii. PPR Jalan Pudu Ulu, Kuala Lumpur (2 April 2016);
- iii. PPR Taman Dahlia, Langkawi, Kedah (24 April 2016); dan
- iv. PPR Taman Sri Stulang, Johor Bahru, Johor (7 Mei 2016).

Sepanjang pelaksanaan “Ops Sejahtera Komuniti” PBN telah mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan Notis Peringatan kepada 377 unit yang terlibat dengan tunggakan sewa manakala sebanyak 68 unit rumah telah dikeluarkan Notis Penamatan atas kesalahan menyewakan unit rumah PPR kepada pihak ketiga (sublet).

Pihak Kementerian juga akan meneruskan lagi usaha bagi mengatasi masalah penyalahgunaan rumah PPR seperti menyewa kepada orang lain

terutamanya kepada warga asing bagi memastikan keharmonian komuniti di PPR dapat dikekalkan di samping menjamin kesejahteraan dan keselamatan penduduk di PPR serta memastikan penguatkuasaan ini boleh membantu dalam menangani isu-isu perumahan rakyat secara amnya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2017